

TRADISI KESUSASTERAAN MELAYU SRI LANKA DALAM KONTEKS KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL NUSANTARA : SATU TINJAUAN RINGKAS

HARUN MAT PIAH
Universiti Kebangsaan Malaysia

Berdasarkan maklumat-maklumat yang ada mengenai kesusasteraan Melayu tradisional Sri Lanka¹, dan membandingkannya dengan koleksi-koleksi yang telah diketahui setakat ini, tradisi kesusasteraan Melayu Sri Lanka itu dapatlah dibahagikan ke dalam dua golongan:

- 1/ Karya-karya yang tergolong sebagai warisan tradisi Melayu Nusantara
- 2/ Tradisi tempatan yang lahir dari keinginan mengekalkan warisan tradisi di atas.

Penggolongan kepada tradisi pertama itu adalah berdasarkan kehadiran naskhah-naskhah yang merupakan warisan dari tradisi Nusantara, dalam koleksi Sri Lanka. Naskhah-naskhah tersebut dapat dianggap mewakili karya-karya yang umum di dalam koleksi-koleksi utama, termasuk di Malaysia, Indonesia, Great Britain dan Belanda.²

Untuk memudahkan tinjauan ini, disenaraikan karya-karya itu menurut penggolongan yang digunakan di sini:³

- | | |
|---|---|
| (a) <i>Epik</i> | 1. Hikayat Seri Rama |
| | 2. Hikayat Amir Hamzah |
| | 3. Hikayat Muhammad Hanafiah |
| (b) <i>Cereka, Hikayat atau fiksiyen</i> | 4. Hikayat Ahmad Muhammad |
| | 5. Hikayat Si Miskin |
| | 6. Hikayat Syahi Mardan |
| | 7. Hikayat Inderaputera |
| | 8. Hikayat Isma Yatim |
| | 9. Hikayat Kobad Syah Ariffin |
| | 10. Hikayat Indera Quraisy |
| | 11. Hikayat Raden Bagus Gusti |
| (c) <i>Cerita-cerita Kenabian</i> | 12. Hikayat Nabi Muhammad |
| | 13. Hikayat Mikraj Nabi Muhammad |
| | 14. Hikayat Nabi Bercukur |
| | 15. Hikayat Nabi Perang Khaibar |
| | 16. Hikayat Nabi Pulang ke Rahmatullah |
| | 17. Kisas al-Anbia |
| | 18. Hikayat Ali Kahwin |
| | 19. Munajat Musa |
| | 20. Hikayat Abu Samah |
| | 21. Hikayat Ibrahim ibn Adham |

- (d) ***Kepustakaan
Agama Islam***
22. Hikayat Derma Tahsiyah
 23. Sirat al-Mustaqim
 24. Hidayat al-Salikin
 25. Bidayat al-Hidayah
 26. Miftah al-Jannah
 27. Sakarat al-Maut
 28. Hujjat al-Balighah
 29. Kitab al-Nikah
 30. Kitab al-Faraid
 31. Masail al Muhtadi li Ikhwan
al Muhtadi
 32. Hikayat Iblis
 33. Bustan al-Salatin

Dalam bentuk syair, terdapat:

- (a) ***Syair Panji***
 - (b) ***Syair Romantis***
 - (c) ***Kiasan/alegori***
 - (d) ***Agama***
34. Syair Ken Tambuhan
 35. Syair Bidasari
 36. Syair Jauhar Manikam
 37. Syair Sultan Abdul Muluk
 38. Syair Kisah Sultan Uthman
Syah Syarif
 39. Syair Burung Merpati
 40. Syair Hari Kiamat
 41. Syair Ma'rifat
 42. Syair Ibadat

Yang tergolong sebagai tradisi tempatan, termasuk:

- (a) ***Cereka/fiksyen
Keagamaan***
 - (b) ***Sejarah/Historiografi***
 - (c) ***Topikal***
 - (d) ***Bahasa/Nahu***
 - (e) ***Pengajaran
Agama/Nasihat***
1. Syair Syekh Fadlun
 2. Syair Fitnahnya Khabar Orang
Wolunter Benggali
 3. Syair Melayu Selong
 4. Dendang Sayang Pantun Selong
 5. Pantun-Pantun oleh Tuan
K. Weerabangsa
 6. Assir al Hawi fi Ta'lim al-Nahu
al-Jawi
 7. Syair Faid al-Abad
 8. Kitab al-Arud al-Mubhat
al-Ikhwan
 9. Arba'in al-Hadith
 10. Syair al-Wujud Ilmu Suluk
 11. Nazam Nasihat atau Bidayat
al-Islam
 12. Syair Kiamat.⁴

WARISAN TRADISI NUSANTARA

Karya-karya dalam golongan pertama yang dianggap sebagai warisan dari rantai kesusasteraan Melayu Nusantara tidak perlu dibicarakan seluruhnya, kerana kebanyakannya telah diketahui oleh masyarakat dan para pengkaji dalam bidang ini. Hampir kesemua judul-judul yang disenaraikan itu terdapat juga dalam kebanyakan koleksi di tempat lain, khususnya di Malaysia, Brunei, Indonesia, United Kingdom dan Belanda.

Hikayat Seri Rama, misalnya, didapati juga di Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia; Dewan Bahasa Pustaka, Brunei; Museum Pusat, Jakarta; Perpustakaan Bodleian, Oxford; dan Perpustakaan Universiti Leiden di Belanda. Hanya yang kurang jelas ialah ke versi mana karya itu dapat digolongkan. Justeru setakat ini diketahui sekurang-kurangnya tiga versi yang berlainan: satu dikenali sebagai edisi Roorda Van Eysinga, 1843;⁵ kedua, edisi W.G. Shellabear 1917⁶ dan ketiga, edisi William Maxwell, 1896.⁷ Dua yang pertama dikatakan lebih dekat kepada versi asal oleh Valmiki, sementara yang ketiga telah menyimpang jauh hingga menyerupai cerita rakyat Melayu; bukan saja pada jalan cerita, tetapi juga nama-nama pelaku utamanya.⁸

Judul-judul yang lain juga terdapat persamaannya di dalam berbagai koleksi di dunia; kecuali mungkin *Hikayat Indera Quraisy* dan *Hikayat Raden Bagus Gusti*. *Hikayat Kobad Syah Ariffin* mungkin sama dengan naskhah-naskhah koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka yang berjudul: *Hikayat Kobad Mengindera Dewa*, *Hikayat Syah Kobad Lela Mengindera* dan *Hikayat Syah Kobad Johan Ariffin*. Walau bagaimanapun, *Hikayat Indera Quraisy* tidak terdapat persamaannya di tempat lain. Memang benar judul-judul *Hikayat Korais*, *Hikayat Korais Mengindera* dan *Hikayat Korais Mengindera Raja* boleh ditemui di Leiden dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia; namun isinya berlainan dari yang di dalam koleksi Sri Lanka ini.

Demikian juga halnya dengan *Hikayat Raden Bagus Gusti* yang mengisahkan Sunan Giri, salah seorang dari Wali Sembilan yang terkenal itu. Karya ini walaupun dapat dihubungkan dengan kisah yang hampir sama seperti yang dinyatakan oleh A. Cabaton,⁹ namun hikayat ini mempunyai bentuknya yang tersendiri. Besar kemungkinannya, versi asal naskhah ini dibawa ke Sri Lanka oleh waris raja-raja Jawa yang berhijrah ke sana sekitar abad ke-18.¹⁰ Cerita dan watak hikayat ini amat popular di kalangan keturunan Melayu Sri Lanka.

Karya-karya yang tergolong sebagai keputakaan Agama Islam dapat dikatakan amat banyak dalam koleksi ini. Hal ini juga agak umum di dalam koleksi lain, seperti di Jakarta dan Leiden. Di Muzium Pusat, misalnya, dari jumlah 1,000 manuskrip yang diperiksa, 211 buah tergolong ke dalam genre ini.

Dari segi judul, kita akan dapati beberapa persamaannya; walaupun beberapa kelainan mungkin ditemui jika dibandingkan dengan sedikit terperinci. *Sirat al-Mustaqim*, *Bidayah al-Hidayah*, *Kitab al-Nikah* dan *Kitab al-Faraid* boleh ditemui di Malaysia dan Jakarta dengan judul yang sama. Demikian juga *Hidayat al-Salikin*, *Sakarot al-Maut* dan *Hujjah al-Baliqah* boleh didapati di Universiti Leiden, dalam judul yang sama. Suatu contoh lagi, *Kitab Masail al-Muhtadi li Ikhwan al-Muhtadi*, di dapati pula di Malaysia dan Jakarta

dengan judul yang sama atau dengan sedikit kelainan.

Walau bagaimanapun aspek persamaan yang diperlihatkan ialah dari segi judulnya sahaja, justeru isinya tidak dapat dibandingkan di sini, kerana tidak berkesempatan memeriksa setiap naskhah yang berkenaan. Harus juga dipertimbangkan, walaupun wujud persamaan - baik pada isi maupun judul - tidaklah semestinya karya-karya tersebut dibawa terus dari luar Sri Lanka. Sebahagiannya adalah merupakan salinan cap batu atau cetak yang dihasilkan di Sri Lanka. Dan jika naskhah, manuskrip berkenaan mungkin disalin oleh penulis tempatan, umumnya dari keturunan Melayu Nusantara.¹¹

Untuk memberikan sedikit gambaran, dipetik di bawah ini sedikit contoh daripada beberapa karya tersebut:

(i) Bahagian awal *Hikayat iblis*:

Bismillah al-Rahman al-Rahim

Wa bihi nasta'i billah 'ala. Ini Hikayat iblis 'alaihi al-laknat. Kalkian sekali peristiwa adapun firman Allah azzawajalla kepada seorang malaikat mintakan kepada iblis dengan firman Allah Ta'ala; demikiän sabda Allah pada Malaikat, "Hai engkau seorang Malaikat pergilah kepada iblis suruhlah olehmu datang mengadap kepada al-Nabi-Muhammad saw. Apa barang yang ditanya suruhlah katakan kepadanya jangan berdusta daripadanya. Setelah didengar oleh Malaikat itu.....

Hikayat ini dicapkan pada 20 September 1892, di Kolombo.

(ii) Permulaan *Kitab Masail al Muhtadi li Ikhwan al Muhtadi*:

... yakni ertinya masail yang menuju ke jalan bagi segala saudaraku yang baharu belajar.

Fasal pada menyatakan iman dan Islam dan ihsan dan tauhid ma'rifat dan perkataan syahadat serta segala fardunya dan segala rukunnya dan segala kesempurnaannya dan segala syarat sahnya dan segala yang membinasakan dia dan segala rukun iman yang mujmal dan rukun iman yang mufsal serta segala fardu yang di dalamnya dan segala syaratnya dan segala kesempurnaannya dan segala yang membinasakan dia...

Keadaan yang sama terdapat juga pada karya-karya syair. Semua judul yang disenaraikan di atas dapat ditemui di lain-lain koleksi. *Syair Kisah Sultan Uthman Syah Syarif* didapati di Dewan Bahasa dan Pustaka dengan judul *Syair Sultan Othman Syarif*. Yang tidak ditemui persamaannya mungkin *Syair Burung Merpati*. Dalam berbagai koleksi judul-judul yang berkenaan adalah *Syair Burung-Burung* atau yang lebih popular *Syair Burung Pungguk*.

Bentuk syair dalam karya-karya ini merupakan yang tipikal dalam tradisi syair Nusantara, khususnya dalam golongan yang sama, iaitu pengajaran agama Islam. *Syair Ibadat* dalam koleksi Sri Lanka ini mengandungi ciri-ciri syair yang baik; tulisannya juga indah, dihias dengan warna merah pada permulaan bab-bab tertentu. Bentuk syair itu kemudian diikuti dengan karangan prosa, walaupun masih membicarakan persoalan yang sama. Bahagian permulaan syair itu berbunyi demikian.

Bismillah itu permulaan kalam
 Dengan nama Allah Khaliqul Alam
 Mentulai Kitab permulaan kalam
 Supaya yakin mukmin dan Islam

Memohonkan rahmat daripada Allah
Mintalah ampun barang yang salah
Fakir mengarang berbuang lalah
Mengarang sangir satu masalah.

Alhamdulillah pula dikata
Bagi Allah puji semata-mata
Empat puji adalah serta
Sekeliannya kembali kepada Tuhan kita.

Sesudah memuji Tuhan yang kaya
Selawatkan Nabi Rasul yang mulia
Itulah penghulu sekalian anbia
Sekelian Islam jin dan manusia

Meneliti sepintas lalu judul-judul naskah dalam koleksi Sri Lanka ini kita melihat beberapa karya yang umum di tempat lain tidak ditemui dalam koleksi ini. Dalam golongan sastera epik, misalnya, tidak terdapat *Hikayat Hang Tuan* yang merupakan satu-satunya epik kebangsaan Melayu Nusantara. Juga tidak terdapat cerita-cerita dari siklus Mahabharata, seperti *Hikayat Perang Pendawa Jaya*, *Hikayat Pandawa* dan lain-lain. Cerita-cerita Panji juga tidak ditemui, kecuali *Syair Ken Tambuhan*; sedangkan karya-karya golongan ini, terutamanya yang berbentuk prosa amat banyak dan luas sekali penyebarannya dalam wilayah budaya Nusantara.

Seterusnya tidak ditemui karya-karya dari golongan sejarah atau historiografi, seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Syair Inggeris Menyerang Kota* atau *Syair Residen de Brauw* yang mungkin ada kaitannya dengan sejarah kegiatan Inggeris dan Belanda di Timur Jauh. Selain sejarah, karya-karya dari genre undang-undang, seperti *Undang-Undang Melayu*, *Hukum Kanun* atau *Adat Raja-Raja Melayu* juga tidak ditemui; sedangkan karya-karya ini didapati amat banyak dalam koleksi-koleksi utama yang lain.

Keadaan di atas mungkin terjadi akibat dari berbagai faktor - baik luaran maupun dalaman - yang umumnya membantu dalam proses transmisi karya-karya sastera. Geografi, sejarah dan politik, merupakan faktor-faktor luaran sementara isi, tujuan dan ciri-ciri estetika sesebuah karya menjadi faktor dalaman yang mendorong karya itu popular dan berkembang.

Yang jelas dalam koleksi Sri Lanka ialah karya-karya yang bersifat sejagat atau universal. Di sini termasuk yang bersifat agama, dengan maksud memperkembang dan mengekalkan keimanan dan perpaduan Islam. Faktor sejarah telah menjadikan keturunan Melayu Sri Lanka sebagai golongan minoriti yang kecil dan terancam. Minoriti kecil ini pula terbina dari kepingan-kepingan mozaik yang didatangkan dari berbagai daerah Nusantara: Jawa, Sunda, Bawyan, Batak, Bugis, Minangkabau dan Melayu Semenanjung. Masyarakat itu pula tidak mempunyai potensi untuk menguasai politik sekitarnya. Lalu karya-karya yang bersifat individu yang khusus untuk satu kelompok, sebuah negeri atau negara kota, seperti *Hang Tuah* dan karya-karya sejarah serta undang-undang tidak lagi relevan dengan persekitaran dan cita-cita

masyarakat itu.

Siklus dari epik Mahabharata termasuk cerita-cerita Panji berkembang di seluruh Nusantara, malah hingga ke Thailand dan Kemboja, melalui tradisi perwayangan.¹² Berbagai karya hikayat dengan puluhan cerita-cerita wayang di sekitar kisah Arjuna, Krisna, Pandawa dan Kurawa tersebar melalui permainan wayang kulit, khususnya wayang purwa. Sementara cerita-cerita Panji berkembang melalui wayang kulit, wayang wong, kesenian dan tari, gamelan, juga tradisi 'lakhon' di Thailand dan Kemboja.¹³ Dari maklumat yang diterima, tradisi seni seperti itu tidak pernah berkembang dalam masyarakat minoriti Melayu Sri Lanka. Mungkin ini merupakan salah satu faktor yang menjadikan karya-karya dalam golongan tersebut tidak ditemukan dalam koleksi Sri Lanka.

KARYA-KARYA DARI TRADISI TEMPATAN

Dari senarai judul-judul yang diberikan mula-mula tadi kita melihat sebahagian daripada karya-karya tempatan adalah dari golongan kepustakaan Islam, justeru mengandungi tujuan dan pengajaran keagamaan. Dan hampir seluruhnya pula ditulis dalam bentuk puisi: syair dan pantun; kecuali Kitab Nahu *Assir al-Hawi fi Ta'lim al-Nahu al Jawi* karya Yunus Saldin dan *Kitab Arbain Hadith* atau Empat Puluh Hadith.

Karya-karya tersebut digolongkan sebagai warisan tempatan berdasarkan dua aspek: luaran dan dalaman. Aspek luaran ialah dari bukti dan maklumat terhadap karya itu; misalnya diketahui nama penulis, atau tarikh atau tempat karya itu dilahirkan. Aspek dalaman ialah dengan melihat ciri-ciri karya itu sendiri secara relatif dan perbandingan. Ini termasuk bahasanya, penggunaan imbuhan, juga ejaan yang dipakai. Dalam sorotan seterusnya di bawah ini ciri-ciri tersebut akan disentuh secara rambang di mana yang berkenaan. Kita mulai dengan karya-karya yang berhubungan dengan pengajaran agama Islam.

Kitab al-Arud al-Mubhat al-Ikhwan diterbitkan pada Sanah Hijrah 1308 (+ 1891M) tertulis dalam bentuk syair. Tujuan dan isinya merupakan hiburan untuk dibaca pada malam bulan Ramadan, di samping menyampaikan pengajaran agama nasihat yang berguna. Hal ini dinyatakan pada permulaan karya itu:

Kitab syair membangkit akan saudara-saudara pada masa malam bulan Ramadan.¹⁴

Lalu dimulai dengan:

Sallawatu'llahi Salamu'llah
 'Ala taha Rasulullah
 Salawatu'llahi salamu'llah
 'Ala Yasa habibullah.

Ila kam aiyuhal insan
 'Alai attai fi wal insan

Watarjawal 'afu walghafran
 Wata'si rabbak al Rahman
 Hai manusia perhinganmu berapa lama
 Atas **segan** serta kelalaian bersama
 Memohon ampun oleh dosa yang lama
 Maka lalu dilawan dengan Tuhan yang utama

Syair-syair berikutnya diselangi bait-bait syair dalam bahasa Arab dan Melayu.

Syair al Wujud Ilmu Suluk tercap di Kampung Pengiran Kolombo pada 18 haribulan Rabi'ul Awal S.H. 1292 (+ 1875 M) Penulisnya Ince Abu Salay Wahid seorang guru bahasa Melayu yang dikenali ramai. Karya ini menghuraikan fahaman dan pengajaran mistik dan ditulis dalam bentuk syair yang baik. Sebahagian syairnya dipetik di bawah ini:

Bismillah al-Rahman al-Rahim
 Bismillah itu wujud yang mula
 Al-Rahman Tuhan yang tida berbekala
 Al-Rahim dikasih melainkan yang bersala
 Inilah wujud yang dipujikan alhamdulillah.
 Ditasdikkan wujud bersama misalnya
 Tida diperbuat tida dengan hanya
 Seraya berfikir di dalam sendirinya
 Diwajibkan wujud di atas sekeliannya.
 Barangsiapa kehendak mencari
 Tidakan hati yang besarkan diri
 Ada sehati bernama sanubari
 Itulah tempat yang berdiam sendiri
 Jika berdiam bersama nikmatnya
 Itulah jadi mukmin hatinya
 Seraya nafsu ditukar asalnya
 Itulah iman wujud Allah namanya.

Tamat di halaman 44:

Kitab ini yang dicapkan
 Di Tarrabatu di Kampung Pengiran
 Dangan bרכת Tuhan yang maha kebesaran
 Tamam kerjaan serta syukur disebutkan.

Nazam Nasihat atau *Bidayat al-Islam* dikarang oleh Pengiran Sepali, seorang Melayu tempatan. Disebut sebagai 'nazam menuntut ilmu, berbuat amal dan menjauhi maksiat'. Dikatakan "nazam", disebut di mana-mana di dalam teks, tetapi dari bentuknya tidak lain dari syair. Di sini perkataan "nazam" bukanlah sebagai istilah teknis untuk genre nazam, tetapi dengan makna yang umum, iaitu puisi. Bahagian permulaan "nazam" itu berbunyi demikian:

Ku mulai dengan nama Allah
Yang murah dan mengasihaniilah
Bermula puji-puji bagi Allah
Mumalik sarwa alam segala.

Dan segala rahmat Allah
Dan setelah salam Allah
Tetap atasnya sebagai-sebagailah
Segala pesuruh atas penghululah.

Penghulu kita Nabi Muhammad
Dan atas keluarga yang selamat
Dan sahabat segala taukuyyad
Dan umat Islam Muhammad.

Salam yang daim pula dikata
Atas Muhammad penghulu kita
Sahabat empat adalah serta
Dunia akhirat di sanalah nyata.

Nyata adapun kumulai nazam
Tidá fakir berpanjang kalam
Hati sufi menjadi kelam
Sebab dicinta siang dan malam.

Syair Faid al-Abad merupakan karya tempatan yang menarik. Ditulis dan dicetak pada tahun 1900 oleh Baba Yunus Saldin (1836-1906) yang cukup terkenal di kalangan pengarang-pengarang Melayu Sri Lanka di masa itu. Isi syair ini menunjukkan kepelbagaian yang beragam, dari sejarah kepada pengajaran agama, fahaman mistik dan seterusnya nasihat kepada orang-orang muda dan kanak-kanak.

Bahagian permulaan karya itu menerangkan isi dan tujuannya:

Syair Faid'ul-Abad. Arti kediamannya berbagai pengetahuan meliputi di dalamnya kerajaan Bengla bersemayam di negeri Kolumbu serta tiap-tiap dusunnya diambil oleh kerajaan Portugis pula diambil oleh Belanda diambil Raja Inggeris.

Kemudia dimulai:

Bismillah al-Rahman al-Rahim
Alhamdulillah Rabbi'l Alamin.

Ku mulai syair dengan Bismillah
Segala puji-pujian bagi Allah
Ialah Tuhan qadim yang mula
Khaliqul Rahman Subhanahu Wata'ala.

Syair Kiamat dalam koleksi Sri Lanka ini terdapat dalam dua versi; yang pertama merupakan naskhah cap batu, mendekati versi yang umum, misalnya di Muzium Pusat dengan judul "Syair Kiamat" dan Universiti Leiden "Syair Hari Kiamat." Versi kedua berupa naskah dengan ciri-ciri tempatan; lihat beberapa rangkap yang dipetik di bawah ini:

Kepada Tuhan Khaliqul Alam
 Memohon beberapa seru sekalian alam
 Suara dari langit berbunyi
 Kepada al-Islam demikianla.

Hai segala Islam ketahuila
 Datangla bantu dari Allah
 Apabila fasal suatu masa
 Tuju pulu ribu malaikat yang perkasa.

Dajal laknatullah hendakla lari
 Oleh Isā ia dicari
 Dipigangkan bumi ia terdiri
 Nabi Isa pun mengampiri.

Kitab Arba'in Hadith, tercap pada tempat tuhannya ashab al-Madras, Kertil, pada 10 haribulan Muharram Sanah 1312. Isi kitab itu dijelaskan pada permulaannya:

Bahawa empat puluh hadith ini sabda
 Nabi Muhammad Mustafa S.A.W.; barang
 segala amat ta'at akan di demikian
 sabda(nya): "Hampir oleh kamu dengan
 orang yang berbuat amal yang salih adanya."

Seterusnya diberikan hadith-hadith Rasulullah satu demi satu dalam bahasa Arab, kemudian diberikan terjemahannya dalam bahasa Melayu yang baik. Bagaimanapun dengan melihat hadith-hadith yang dipetik dan tafsiran yang diberikan, kitab ini tidaklah sama dengan *Kitab Empat Puluh Hadith* yang diketahui dan digunakan sekarang ini.

Terdapat dua buah syair cerita yang sangat menarik dalam koleksi ini; iaitu *Syair Syaikh Fadlun* dan *Syair Fitnahnya Khabar Orang Wolunter Bengali*. *Syair Syaikh Fadlun* lebih jelas tergolong sebagai cerita Kenabian justeru ia dihubungkan dengan Rasulullah dan para sahabat. Kisahnya berlaku dari semasa Rasulullah S.A.W. masih hidup hingga ke zaman Khalifah Umar al-Khatāb. Syaikh Fadlun seorang yang sangat warak, pergi menemui Nabi Muhammad. Nabi menyuruhnya bertapa dan berpesan kepada Saidina Ali supaya menyelamatkan Syaikh itu bila tiba waktu yang memerlukannya.

Seterusnya semasa Umar menjadi Khalifah, Syaikh Fadlun pergi menemuinya. Ia kemudian disuruh bersama dengan tiga ribu orang Islam naik Haji ke Mekah. Dalam masa-masa inilah Syaikh telah digoda oleh seorang perempuan, Kinanat, yang sangat menggilainya. Syaikh akhirnya difitnahkan oleh Kinanat berbuat zinah dengannya, hingga akhirnya dihukum rejam hingga mati oleh Khalifah Umar. Ketika inilah Saidina Ali datang menyelamatkannya. Dengan do'a Ali kepada Allah, anak yang dikandung perempuan itu sendiri

menyatakan kebenaran Syeikh Fadlun. Perempuan itu lalu dihukum rejam hingga mati.

Menurut Dr. Husseinmiya, syair ini dari versi asalnya dalam bahasa Arab, diadaptasi ke dalam bahasa Melayu di beberapa negeri di Tenggara Asia. Versi Sri Lanka, menurutnya ialah adaptasi dari teks Malayalam, Selatan India. Walau bagaimanapun, setelah meneliti katalog koleksi-koleksi utama yang lain, saya tidak menemukan karya ini, baik dari segi judul, maupun dari jalan cerita, malah rujukan terhadapnya. Saya beranggapan karya ini sebuah karya tempatan, walaupun penulisnya dapat dihubungkan dengan daerah lain di Nusantara. Petikan pada bahagian akhir syair ini diberikan di bawah, untuk dapat menimbulkan apa jua andaian yang relevan:

Telah khatamlah Syair Syeikh Fadlun di negeri Kandi kampung Pantin, Bogambar pada 2 haribulan Disember tahun 1882 pada 20 haribulan Muharram Hijrat Sanah 1300. Yang empunya khat dan tulisan Tuan Kapitan Ahmad Sellihala ibn Tuan Kapitan Abu Sallihala anaknya Kapitan lai peranakan Cina di negeri Semarang. Amin, Amin Ya Rabbal Alamin.

(h. 66)

di halaman 67, diterangkan pula:

Ya, inilah Kitab Syair Tuan Syeikh Fadlun, yang punya hak sebenar-benarnya hamba Allah Encik Muhammad yang kebilangan sebagai Mudin pada Masjid Melayu Orang Pantin di Bogambar yang dihadiahkan daripada Tuan Kapitan Ahmad Sallihala.

Diikuti dengan salawat dan doa dalam bahasa Arab, penuh 8 halaman.

Ciri-ciri dalaman syair ini, tepat dengan ciri-ciri setempat, walaupun syairnya tipikal seperti syair-syair yang baik dan umum di daerah-daerah lain di Nusantara. Dipetik bahagian permulaan sebagai contoh:

Bismillah itu permulaan kata
 Dengan nama Tuhan alam semata
 Kemudian tersebut Rasul mahkota
 Di negeri Madinah baginda bertakhta

Nabi Muhammad konon namanya
 Terlalu besar takhta kerjaannya
 Beberapa negeri takluk kepadanya
 Sekelian itu di bawa perintahnya.

Adapun akan oleh baginda
 Empat orang sahabat yang muda
 Memerinta di bawanya hukum baginda
 Benarlah sakalian bohomnya tida.

Syair Fitnahnya Khabar Orang Wolunter Benggali merupakan sebuah lagi karya tempatan yang sangat menarik. Ia ditulis oleh seorang Melayu, Boreham (Burhan) ibn Kapitan Lai seorang anggota 'Ceylon Malay Regiment', dalam tahun 1820. Syair ini mengisahkan peperangan yang berlaku pada hari Tahun Baharu 1819 antara askar-askar Melayu dalam 'Ceylon Malay Regiment' dan askar-askar sukarela Benggali dari Batalion ke-20 'Benggali Infantry' yang di tempatkan di Sri Lanka waktu itu. Manuskrip syair ini disalin oleh seorang anggota polis. Ince Anum bin Kapitan Hussain Weerabangsa. Dan seperti syair Syeikh Fadlun di atas tadi naskhah ini tidak terdapat dalam mana-mana koleksi yang lain; tegasnya adalah sebuah karya tempatan. Bahagian permulaan

syair itu berbunyi begini.

Bismillah itu puji yang esa
 Dengan nama Allah Tuhan sentiasa
 Dikarang sangir dengan bahasa
 Khabar yang ajaib di desa.

Dengarkan tuhan suatu alkisa
 Di Tana Selong ampunya tamasa
 Adapun Woluntar orang yang kasa
 Membuat fitnah dengan termasa

Di negeri Kolumbu menjadi haruhara
 Sekelian orang menanggung sangsara
 Ada kepada suatu hari raya
 Datanglah bahaya dengan sangsara.

Karya di atas itu adalah suatu bentuk penulisan sejarah tempatan; umumnya ditulis sebagai peringatan; ertinya bukan untuk diedar atau dijual; atau dengan tujuan merakamnya sebagai sejarah yang sebenar. Tradisi inipun agak umum di daerah Nusantara yang lain. Sebagai contoh, saya pernah menemui sebuah syair "Syair Perang Rokam" dari daerah Serkam, Melaka. Syair itu juga mengisahkan peperangan antara orang-orang Melayu di Kampung Serkam melawan tentera Inggeris yang diketuakan oleh Tuan Rockham seorang pegawai tentera Inggeris di Melaka. Dalam perang inipun terdapat kisah orang-orang kampung berperang dengan askar Benggali. Dan tentu saja pasukan orang kampung dapat ditewaskan dengan mudahnya.

Yang paling menarik pada saya dari karya-karya dalam koleksi Sri Lanka ini ialah sebuah buku bahasa atau buku nahu yang diberi judul: *Assir al-Hawi fita'limi al-Nahu al-Jawi*, karangan Yunus Saldin, terkarang tahun Hijrah 1308, bersamaan 1891M. Justeru isinya merupakan ilmu bahasa, termasuk nahu dan surat kiriman, buku ini dapat disejajarkan dengan buku ilmu bahasa yang pertama dalam bahasa Melayu, iaitu *Bustan al-Katibin* oleh Raja Ali Haji bin Raja Haji Ahmad, Riau, (1861 M).

Sebahagian daripada isi Kitab Nahu ini berbunyi demikian:

Sebermula ilmu Nahu itu terbahagi kepada enam bab; iaitu yang pertama ternyata perkataan yang gasal, kedua bab perkataan yang lengkap, ketiga bab penambahan, keempat bab itungan, kelima bab menunjuk kepada pihak yang pertama, pihak kedua dan pihak ketiga dan segala hubungan yang meliputi kepada ilmu tuturan.

Bab pertama, perkataan yang gasal

Gasal ertinya yang sendiri, seperti ayam, Kuda, ekor, daging, jantan, iaitu ertinya lenyap, tiada berupa, hanya menghubungkan sepatah seperti ayam betina, kuda besar, seekor anjing, lembu jantan dan daging damba.

Bab Kedua, perkataan yang lengkap

Bukit yang tinggi, orang yang cantik,
tanjung sangat cerah, padang yang amat
luas, kuda terlalu tangkasnya.

Bab ketiga, penambahan iaitu

Sehelai kertas, empat buah rumah,
terlalu murah perangai orang itu,
teramat berat batu itu, supaya
jangan orang digusar, dari mana
datangnya segala raja-raja itu.
Segala penambahan itu berbagai-bagai
campuran.

Bab yang keempat itungan iaitu

Empat buah kapal, sepuluh rupia,
dua puluh kati perak, sertus hela
kain, dua puluh tiga ekor burung,
empat haribulan; selikur haribulan,
ertinya dua puluh satu haribulan

Kelima bab menunjuk pihak iaitu

Kita punya, dia orang punya, pada
kedua pihak, pada pihak kami,
sebelah kanan, pihak maghrib, ke atas
angin, di bawa bukit, di atas rumah.
Campurnya kepada ini hubungan iaitu
mana masa, apa musim, akan ke mana,
tiba-tiba, sekarang, sebentar, dahulu,
kemudian.

Bab keenam menunjuk tiga pihak

Pihak pertama: aku memujuk, hamba mendengar,
melihat akan daku, hamba empunya, patik
maklum, beta akan pergi, tida kehendak aku,
patik memohon ampun.

Pihak yang kedua, iaitu engkau, dikau, kamu,
apa boleh olehmu, engkau pinta, akan dikau,
kamu berjalanlah.

Pihak yang ketiga iaitu: ia, dia orang, mereka
itu, titah bagi dia orang, barang diwasilkan
bagi raja itu, ia inginkah.

Tamat di halaman 32:

Tamatlah kitab ini dengan petulung Tuhan
Malik al Wahab, pada lima likur
haribulan Zulhijjah, Hijrah Sanah 1308.

Mungkin sebagai kitab pelajaran bahasa, inilah saya rasa satu-satunya naskah Melayu tradisional yang paling baik dalam koleksi Sri Lanka; malah antara yang terbaik dalam konteks tradisi penulisan sastera di Nusantara. Tulisannya cantik, ejaannya terkawal, pada permulaan bab, kalimat yang menjadi judul di garis di bawahnya, dan paling menarik, menggunakan tanda-tanda baca yang betul. Memang tepat dengan kedudukan dan fungsinya sebagai 'Kitab Nahu' atau tatabahasa.

Ada empat buah karya puisi dalam koleksi ini yang saya golongkan sebagai karya-karya topikal, justeru sifatnya yang tidak mengandungi cerita atau tidak seluruhnya membina satu kesatuan. Dua daripadanya berbentuk pantun, iaitu "Dendang Sayang Pantun Selong" dan "Pantun-Pantun oleh Tuan K. Weerabangsa". Sementara yang dua lagi berbentuk syair, iaitu syair "Lagu Allaldeen Dengan Lampu Ajaib" dan "Sayernyah Malayu Saylong dan Bahasanya dan 44 Radan dan Thamogon Jawi de Saylong", karangan Tuan J.T. Ousmand, Kandy, Saylong.

Bagi yang berbentuk pantun, tidak banyak bezanya dengan pantun-pantun dari daerah Melayu Nusantara; baik dari segi bentuk, maupun isi dan jiwa pantun-pantun itu. Lihat misalnya rangkap-rangkap pantun di bawah ini dari "Dendang Sayang Pantun Selong":

Ambil pena tuliskan surat
Mari ditulis di batu
Dari dunia sampai akhirat
Badan dua menjadi satu.

Kuda sahaya kuda pilana
Dipacu ke ayer deras
Pantun sahaya pantun makna
Kalau tak tahu jangan dibalas.

Kupu-kupu terbang melintang
Terbang di laut di ujung karang
Hati di dalam menaruh bimbang
Dari dahulu sampai sekarang.

Dan sebahagian dari "Naynyian Budak-Budak":

Ikan julun-julun
Masak sama cuka
Baba banyak sombong
Nyonya tida suka.

Perin peca dua
Mengkok berisi ayer

Adek bulun tua
Abang cium bibier.

Yang berbentuk syair saya anggap cukup menarik justeru ianya dapat memberikan gambaran yang lain untuk dibincangkan. Kedua-dua syair yang dimaksudkan ini tertulis dalam huruf Latin dengan menggunakan ejaan lama yang purba sifatnya. Ia itu hampir sama seperti transliterasi bagi aksara Jawa yang digunakan oleh orang-orang Belanda di Indonesia. Perhatikan sedikit petikan dari Syair "Lagu Aladdin Dengan Lampu Ajaib" di bawah ini:

Orang Hikmath mumbapee ALLALDEEN ka Koobong

1. Keetha maree bookan savathoo
Ma noompuck koebong yung anda thoonthoo
Ada sa paleetha dee dalam sithoo
Dapath seeyapa kahaya lo thunthu.
2. Dee bawa bathu ada sa pinthu
Masoeek seeyapa dapath lo thunthu
Tha perna noompuck dohooloo yethoo
Varnagnah pohong jadee dee seethu.
3. Bathung gnah emmas, dahong gnah payrakh
Boova gnah mayrah, seenar gnah mirruck
Thooroos kasana ada sa pinthu
Palita seenar dee thingha see thoo

Dalam bentuk bahasa Melayu yang mudah, bunyinya begini:

Orang Hikmat Membawa Aladdin Ke Kebun

1. Kita mari bukan suatu
Menampak kebun yang ada tentu
Ada se pelita di dalam situ
Dapat siapa kayalah tentu
2. Di bawa(h) batu ada se pintu
Masuk siapa dapatlah tentu
Tak pernah nampak dahulu itu
Warnanya pohon jadi di situ.
3. Batangnya emas daunnya perak
Buahnya merah, sinarnya merak
Terus ke sana ada se pintu
Pelita sinar di tengah situ.

BEBERAPA CIRI YANG MENARIK

Potongan syair Aladdin yang dipetik di atas itu menayangkan kepada kita beberapa ciri yang boleh dibincangkan. Ciri-ciri ini dapat dianggap unik, khusus kepada karya-karya tempatan yang dibicarakan ini. Keunikan inilah antara lain yang membezakan antara dua tradisi yang disebutkan mula-mula tadi.

Sebahagian besar daripada karya-karya dalam koleksi Sri Lanka ini adalah warisan dari tradisi yang lebih besar: Nusantara. Sementara yang agak kecil merupakan karya tempatan sebagai hasil dari usaha mengekal dan memanfaatkan tradisi besar itu.

Ada beberapa aspek yang digolongkan sebagai ciri-ciri tempatan Sri Lanka:

(i) Satu yang penting ialah *aspek bahasa*. Gaya bahasa atau stail, pemilihan kata atau diksi, tatabahasa, khususnya penggunaan imbuhan dan akhirnya ejaan. Ejaan yang diberikan dalam tulisan jawi pada suatu segi tidak menyatakan sebutan sebenar; misalnya dalam perbandingan dengan Bahasa Melayu Nusantara (BMN), di bawah ini:

| BMN | Ejaan Jawi BMSL | Sebutan sebenar BMSL |
|-------------------------|--------------------|-------------------------|
| dengan | d.a.ng.n | dangan |
| pegang | p.y.g.ng | pigang |
| habis | a.b.y.s | abis |
| bawah | b.a.w.a | bawa |
| musuh | m.u.s.u | musu |
| pantun | p.n.t.u.ng | pantong |
| syair | s.a.ng.r | sanger |
| hendak | h.n.d.a | henda |
| tiada/tidak | t.y.d.a | tida |
| boleh | b.u.l.y | bolei |
| dan beberapa yang lain. | | |

(ii) Pemilihan kata: Terdapat kata-kata yang khusus terpakai dalam BMSL; misalnya:

| | | |
|----------------|---|-----------------------------|
| diturang | - | hudang pacato |
| maki acut | - | supaya jangan orang digusar |
| dikuncut | - | mengudi |
| makinya bincut | - | dan beberapa yang lain |

(iii) Penggunaan imbuhan.

sa/se - untuk *satu, sebuah, seorang*:

| | | |
|--------------|---|-------------------|
| sa perempuan | - | seorang perempuan |
| sa pelita | - | sebuah pelita |
| sa pintu | - | sebuah pintu |
| sa hati | - | suatu hati |

Penggunaan imbuhan yang kurang tepat

| | | |
|-----|---|------------|
| ber | - | bertinggal |
| ke | - | kejadi |

la - untuk *lah*:

| | | |
|------------|---|------------|
| ketahui la | - | ketahuilah |
| jangan la | - | janganlah |

Penggunaan kata-kata tempatan atau dialek Melayu di daerah tertentu merupakan suatu yang umum dalam kesusasteraan Melayu Nusantara. Hal ini berlaku kerana bahasa Melayu itu dipakai dalam daerah yang luas, melampaui batas-batas geografis dan politik, malah bahasa daerah yang mungkin berlainan sama sekali dari bahasa Melayu. Dalam kesusasteraan Melayu Brunei, misalnya, akan kita temui keadaan yang sama: pemakaian bahasa, penggunaan imbuhan, juga idiom bahasa yang berunsur kedaerahan: Brunei. Lihat contoh-contoh di bawah ini:

Sedikit dari Pantun Brunei:

Tilambong orang celaka
 Ke Tutong memacut kuda
 Kelagi sumbong mulut berkata
 Adakah tumbong kelapa muda.
 Kain garai di atas peti
 Pesalinan Siti Zaleha
 Malam cerai siang berganti
 Melebihi dari si dia.
 Berumah di darat pantai
Berbarong-barong kami di lidong
 Tampilkan bunga bukan setangkai
 Tampilkan burung bukan seekong.

Dan sedikit dari Syair Awang Semaun:

Tersebut Jerambak di negeri Butir
 Isterinya bunting harinya hampir
 Keluar bulan beranaklah samir
 Seorang lelaki besar selupir.
 Barisnya damit telinga lebar
 Sepatut dengan perutnya besar
 Kepalanya damit matanya bundar
 Lengannya kecil seperti hakar.
 Lama setahun besarlah sudah
 Pipinya buyung dadanya merah
 Kirainya panjang matanya sebagai darah
 Rambutnya putih sapah gelagah.

Memang tidak adil membandingkan tradisi Sri Lanka dengan tradisi Nusantara yang sudah cukup mantap; misalnya Riau-Lingga yang dianggap sebagai pusat perkembangan kesusasteraan Melayu yang agung. Riau mempunyai masyarakat "literati" yang mewarisi tradisi itu. Ia juga mempunyai saluran untuk mengekal dan memperkembangkannya. Sebaliknya masyarakat Melayu Sri Lanka berada dalam kedudukan yang berbeza. Bagaimanapun dari segi semangat dan keinginan untuk bertahan dan berkembang, jelas terlihat

menerusi karya-karya yang dilahirkan dan tradisi warisan yang dikekalkan. Mereka berusaha mengekalkan keperibadian Melayu yang tinggi dan bahasa Melayu yang murni. Keinginan ini terserlah walaupun melalui karya mereka yang begitu sederhana. Misalnya beberapa rangkap dari "Sayernyah Malayu Saylong" di bawah ini:

30. Sungu de peenjum dan de buath athath itu
Tuthapee jangan de kethub kethub de thuliskan itu
Geega kethub kethub pergee ke thana Malayu itu
Nananthie de kijikan Malayu Saylong bagitu.
31. Dengan beyasa dikatha sabapay itu
De jawab pon Ia sapay barung itu
Ada lagie de jawab gopay barung itu
Samua gnah pay pay de lakookan de situ.
32. Pada bahasa Malayu pay bukan bahasa
Hamba arthikan tuan tuan jangan de soosa
Banyak thahoo kering dan basa
Sabuloong cakap sandiree ampoognah bahasa
33. Sapapay, arthignah (who the devil)
Papapay, arthignah (Father the devil)
Sappay, arthignah (Am the devil)
Goppay, arthignah (Go the devil)¹⁵

Semangat yang sama ditunjukkan juga oleh Yunus Saldin dalam Pendahuluan kepada Kitab Nahunya tadi; katanya:

... Bermula maka ketahuilah kiranya oleh
tuan-tuan dan encik-encik bahawa telah
kami mengarangkan kitab ini atas permintaan
beberapa orang daripada handai taulan kita
kerana mereka itu tersangat ingin mengenal akan
ilmu Nahu dan saraf kepada bahasa Jawi.
Dan maka kunamakan akan dia 'Assir al hawi
fi ta'limi al-Nahu al-Jawi', yakni kitab
mengajar bahasa yang terhimpun di dalam
Nahu bahasa Jawi....

KESIMPULAN

Dengan melihat sepintas lalu jumlah dan isi kandungan naskhah-naskhah dalam koleksi Sri Lanka ini, rasanya tidak keterlaluan jika dikatakan keadaan itu amat mengagumkan. Walaupun persekitarannya kurang menggalakkan, kemudahan yang terhad dan penyaluran yang sempit, namun jumlah koleksi masih tergolong banyak dan representatif. Bahan-bahan yang dibawa ke dalam koleksi adalah dari golongan yang bermutu, penting dan berfungsi dalam masyarakat, terutamanya karya-karya dalam kepustakaan pengajian Islam.

Selain dari itu sifat-sifat lahir karya-karya juga dapat dikatakan baik. Tulisannya cantik dan terang, bahasanya terkawal, tatabahasanya terjaga, malah pada beberapa karya telah digunakan tanda-tanda bacaan yang betul. Keadaan yang akhir ini tidak terdapat dalam tradisi naskah-naskah Melayu Nusantara. Pengarang, penulis, penyalin, malah pencetak teks-teks tersebut nampaknya adalah dari orang-orang yang mahir dalam bidang yang mereka lakukan. Sebagai gambaran, lihat beberapa halaman dari *Syair Fitnahnya Khabar Orang Wolunter Benggali* yang diberikan dalam lampiran.

Karya-karya yang dihasilkan oleh masyarakat tempatan juga masih dapat dianggap bermutu dari segi persoalan yang digarap dan cara penampilan yang digunakan. Kepada para pengkaji kesusasteraan Melayu tradisional, koleksi Sri Lanka menawarkan bahan-bahan yang berpotensi untuk dikaji dengan lebih menyeluruh, terperinci dan mendalam.

Koleksi naskah-naskah Melayu Sri Lanka adalah rimba ilmu yang terbuka luas menanti para peneroka.

Halaman permulaan manuskrip *Syair Fitnahnya Khabar Orang Wolunter Benggali*.

۱. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
 دایغی ذوالله توفیق کر نشینا
 دکرغی ساغر داغی بلسنا
 جریغی نجایسه دیداسنا
 دکرغی ترغی سوتوالقسنا
 دتناسله امغورک نشنا
 ادظرین ولنظراورغی بنگکاشنا
 مہبوتہ فتنہ داغی ترغی نشنا
 دتاری کام و مغدیر ہاروہنا
 سکلین اورغی منقلاک نشنا
 اولاد سواتوہا بربرنا
 داتالہ ہا داغی نشنا

ادا فون موسم ن جندل جبري
 ترکتلا اوله بلند کندي ري
 سوانق لاکي بيغ کجدي
 فتکلا بد فرغ دنکاري کندي
 کلين ملايو ايسو مغووي
 ساورغ فون تيد ابر نقل لاکي
 کلين ايتوشا اشيه منوجو
 ساورغ فون تيد دنکاري کلين
 فرشتد جبل منوجو ماجو
 مريکا ايتو منقل ديدالم قلبه
 فرسته مراجه ترالوهر هسرا
 کلين مريکا ايتو تيد ترليسرا

Dengan ihsan Dr. B.A. Hussainmiya Pensyarah Pelawat IBKMM.

CATATAN

¹Semua maklumat berhubung dengan koleksi Sri Lanka dalam makalah ini adalah dengan ihsan Dr. B.A. Husseinmiya, Pensyarah Pelawat dari Sri Lanka di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Naskhah-naskhah yang dirujuk adalah dari salinan mikrofilem Arkib Negara Malaysia yang dipinjamkan kepada penulis oleh Dr. Husseinmiya. Penulis mengucapkan terima kasih kepada beliau.

²Maklumat mengenai koleksi-koleksi lain di dunia didapati melalui katalog-katalog institusi yang berkenaan. Penulis juga telah berkesempatan membuat penyelidikan di kebanyakan institusi itu, termasuk di Malaysia, Indonesia, Brunei, United Kingdom, Paris, Brussels, Amsterdam, Den Haag, Leiden dan Amerikan Syarikat, antara tahun-tahun 1973-1986.

³Cara penggolongan sastera Melayu klasik yang digunakan di sini berbeza dari yang dibuat oleh R.O. Winstedt dalam bukunya *A History of Classical Malay Literature* (Kuala Lumpur, 1969). Penggolongan di sini berdasarkan jenis atau 'genre'; tidak berpokok kepada zaman atau urutan pengaruh-pengaruh asing seperti pendekatan Winstedt.

⁴Terdapat dua versi "Syair Kiamat" dalam koleksi ini. Satu berupa naskhah litograf, lebih mendekati versi-versi yang umum; sementara yang satu lagi berupa manuskrip, tergolong sebagai ciptaan tempatan.

⁵Roorda van Eysinga. *Hikayat Seri Rama* - Translation of the Original Version by Valmicci, Amsterdam, 1843.

⁶W.G. Shellabear (ed). *Hikayat Seri Rama*. *JSBRAS*. 71 (1917) 1-285.

⁷William Maxwell. *Hikayat Seri Rama*. *JSBRAS*. 17 (1896) 1-99.

⁸Berdasarkan maklumat terbaru, naskah Sri Lanka ini juga mengandungi pantun-pantun seperti edisi Maxwell; kerana lebih mendekati versi lisan.

⁹A.Cabaton. "Raden Paku", Sunan Giri (Legend Muslimane Javanais). *Texts Malaise, Traduction Francais et notes. Revue de l'Histoire des Religions*. Vol. 4(1906) 374-393.

¹⁰Lihat B.A. Hussainmiya. Ethnicity and Ethnic Consciouness Awong the Malays of Sri Lanka. Kertas kerja Seminar Sastera dan Budaya Melayu Sri Lanka. Universiti Kebangsaan Malaysia, 6 Oktober 1986; hal. 13-15.

¹¹Pada umumnya dalam proses penyalinan ini akan berlaku berbagai bentuk interpolasi hingga edisi tersebut berlainan dari versinya yang asal.

¹²Lihat. Harun Mat Piah. *Cerita-Cerita Panji Melayu*. 1980 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 25-29.

¹³Lihat. antara lain: Khomkai Nilprapassorn. A Study of the Dramatic Poems of the Panji Cycle in Thailand. Disertasi Ph.D. Universiti London. 1966.

¹⁴Menurut Dr. Hussainmiya syair ini juga dibaca dalam majlis sambutan Mauludun Nabi; kerana itu hampir sama fungsinya dengan sebuah Syair Maulud oleh Raja Ali Haji berjudul *Sinar Gemalan Mastika Alam*. 1893 (terhias di dalamnya kisah Maulud Nabi Sallallah Alaihi Wasallam). Riau: Matbaahal Riauwyiah.

¹⁵Petikan ini disalin dari teks yang berkenaan. Walau bagaimanapun terjemahan yang diberikan dalam kurungan itu diragukan ketepatannya. Menurut Dr. Hussainmiya dan seorang penutur Melayu dari Sri Lanka, "sapapay"ertinya siapa punya; "papapay" bapa punya; "sapay" saya punya dan "goppay" ertinya dia punya.